

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

(Buku Teks m.s. 66 – 67)

- 1 Malaysia adalah sebuah negara Persekutuan. Apakah maksud Persekutuan?
- A Pemerintahan secara demokrasi
 - B Penyatuan beberapa buah negeri
 - C Pembentukan sistem Jemaah Menteri
 - D Pentadbiran oleh Yang di-Pertuan Agong

(Buku Teks m.s. 66)

- 2 Apakah unsur penting dalam sebuah negara Persekutuan?
- I Pilihan raya
 - II Kerajaan Pusat
 - III Kerajaan Negeri
 - IV Majlis Raja-Raja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 66)

- 3 Bagaimanakah keputusan pentadbiran Persekutuan dilaksanakan?
- A Dibuat oleh Residen Jeneral
 - B Diputuskan oleh Majlis Raja-Raja
 - C Dibincangkan dalam Majlis Tertinggi
 - D Diluluskan dalam Perjanjian Persekutuan

(Buku Teks m.s. 66)

- 4 Pilih jawapan yang tepat berkaitan sistem Persekutuan 1896.
- A Diketuai Pesuruhjaya Tinggi British
 - B Pusat pentadbiran di Kuala Lumpur
 - C Fungsi khusus kerajaan yang lengkap
 - D Terdapat agihan kuasa antara kerajaan

(Buku Teks m.s. 66)

- 5 Majlis Mesyuarat Persekutuan telah distrukturkan semula pada tahun 1927. Mengapakah berlaku penstrukturan semula?
- A Menghakis kuasa Raja Melayu
 - B Membentuk Kerajaan Tempatan
 - C Mengukuhkan kedudukan British
 - D Menggubal perlembagaan negeri

(Buku Teks m.s. 67)

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Negeri Sembilan.

Tahun	Peristiwa
1889	Loak Tampin, Rembau dan Seri Menanti disatukan sebagai Konfederasi Seri Menanti.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pengukuhan kuasa pembesar tempatan
- B Penubuhan Kerajaan Persekutuan
- C Penggubalan perlembagaan bertulis
- D Penerimaan seorang Residen British

(Buku Teks m.s. 66)

- 7 Bagaimanakah British menyatukan pentadbiran negeri-negeri berikut pada tahun 1946?

- Melaka
- Pulau Pinang
- Semua negeri Melayu

- A Penubuhan Kesatuan Melayu
- B Pembinaan konsep negara bangsa
- C Penetapan sempadan antara negeri
- D Pembentukan Persekutuan Malaysia

(Buku Teks m.s. 67)

- 8 Mengapakah Malayan Union hanya dapat dilaksanakan dalam tempoh terhad sahaja?
- A Menolak unsur penyatuan antara negeri
 - B Menghadapi ancaman daripada komunis
 - C Menerima bantahan daripada orang Melayu
 - D Mengalami kekurangan peruntukan kewangan

(Buku Teks m.s. 67)

- 9 Siapakah yang dilantik sebagai ketua Persekutuan pada tahun 1948?

- A Residen
- B Yang di-Pertuan Agong
- C Pesuruhjaya Tinggi British
- D Sultan

(Buku Teks m.s. 67)

- 10 Maklumat berikut merujuk kepada perubahan pentadbiran Persekutuan.

Satu gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah NNS.

Bagaimanakah perubahan pentadbiran tersebut berlaku?

- A Penubuhan Malayan Union 1946
- B Pembentukan Majlis Sultan-Sultan 1946
- C Pengisytiharan tarikh kemerdekaan 1956
- D Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

(Buku Teks m.s. 67)

- 11 Pernyataan berikut berkaitan dengan sistem persekutuan di negara kita.

Pengagihan kuasa peringkat persekutuan dan negeri menandakan bermula era moden amalan Persekutuan di negara kita.

Apakah sistem persekutuan yang membentuk era moden tersebut?

- A Malayan Union 1946
- B Persekutuan Tanah Melayu 1948
- C Persekutuan Tanah Melayu 1957
- D Pembentukan Malaysia 1963

(Buku Teks m.s. 67)

- 12 Apakah asas kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka?

- A Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948
- B Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957
- C Pemeteraian pengisytiharan kemerdekaan
- D Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 67)

- 13 Apakah jawatan Yang di-Pertuan Agong dalam Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka?

- A Ketua Kerajaan
- B Ketua Pentadbiran
- C Ketua Persekutuan
- D Ketua Pemerintahan

(Buku Teks m.s. 67)

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan Persekutuan pada tahun 1963.

- 11 buah negeri Tanah Melayu
- Singapura
- Sarawak dan Sabah

Apakah Persekutuan tersebut?

- A Malaysia
- B Tanah Melayu
- C Tanah Melayuan
- D Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 67)

4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

(Buku Teks m.s. 68)

- 15 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Apakah kuasa tersebut?

- | | |
|---------------|-----------------|
| I Pendidikan | III Perundangan |
| II Kebudayaan | IV Pemerintahan |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

(Buku Teks m.s. 68)

- 16 Rajah berikut berkaitan dengan perlembagaan pentadbiran kerajaan Malaysia.




Apakah X?

- A Kerajaan Pusat
- B Kerajaan Wilayah
- C Kerajaan Tempatan
- D Kerajaan Bersekutu

(Buku Teks m.s. 68)

- 17 Rajah berikut berkaitan dengan perlembagaan dalam Perlembagaan Persekutuan.



Mengapakah pembahagian kuasa tersebut dilakukan?

- A Menjaga hak asasi rakyat
- B Mengukuhkan institusi beraja
- C Melicinkan sistem pemerintahan
- D Memantapkan pertahanan negara

(Buku Teks m.s. 68)

18 Apakah kebaikan pelaksanaan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?

- A Menjamin keselamatan perairan negara
- B Mendapat pengiktirafan dari negara luar
- C Menyeragamkan undang-undang negara
- D Mengelakkan permasalahan antara kerajaan

(Buku Teks m.s. 68)

19 Mengapakah peruntukan kuasa yang lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan?

- I Menjamin kestabilan negara
 - II Meningkatkan kemajuan negara
 - III Mengukuhkan perpaduan rakyat
 - IV Membaiki struktur pentadbiran
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 68)

20 Apakah kerajaan yang tiada peruntukan kuasa khusus dalam pentadbiran?

- A Kerajaan Negeri
- B Kerajaan Perikatan
- C Kerajaan Tempatan
- D Kerajaan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 68)

21 Pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan telah berpindah ke lokasi baharu pada tahun 1999. Apakah lokasi tersebut?

- A Putrajaya C Shah Alam
- B Cyberjaya D Kuala Lumpur

(Buku Teks m.s. 68)

22 Kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan meliputi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Apakah kuasa pemerintahan tersebut?

- A Kuasa majoriti
- B Pemusatan kuasa
- C Simbol keteguhan
- D Senarai Persekutuan

(Buku Teks m.s. 69)

23 Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa yang luas.

Apakah skop kuasa tersebut?

- I Kuasa tempatan
 - II Pembangunan luar bandar
 - III Semua aspek pentadbiran
 - IV Kepentingan nasional
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 69)

24 Apakah bidang kuasa bagi Kerajaan Persekutuan?

- A Tanah
- B Pertanian
- C Pertahanan
- D Undang-undang Islam

(Buku Teks m.s. 69)

25 Senarai berikut berkaitan dengan kandungan dalam pemerintahan negara.

- Kewarganegaraan
 - Pentadbiran keadilan
 - Perubatan dan kesihatan
 - Keselamatan dalam negeri

Apakah kerajaan yang mempunyai kuasa tersebut?

- A Kerajaan Negeri
- B Kerajaan Bersatu
- C Kerajaan Tempatan
- D Kerajaan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 69)

26 Apakah institusi yang berperanan menggubal undang-undang peringkat negeri?

- A Badan Perundangan
- B Dewan Undangan Negeri
- C Pihak Berkuasa Tempatan
- D Majlis Perundangan Negara

(Buku Teks m.s. 70)

27 Maklumat berikut berkaitan dengan pembahagian kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan.

Senarai Negeri

Apakah perkara yang terdapat dalam senarai tersebut?

- A Kewarganegaraan
- B Hari kelepasan negeri
- C Sistem pengangkutan
- D Kebajikan awam

(Buku Teks m.s. 70)

28 Mengapakah Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan dalam pentadbiran?

- A Berjaya mengatasi ancaman komunis
- B Kemajuan dalam bidang sosioekonomi
- C Bergabung dalam pembentukan Malaysia
- D Keselamatan negeri dapat dipertingkatkan

(Buku Teks m.s. 70)

29 Apakah pihak yang berkuasa menggubal undang-undang dalam Senarai Bersama?

- I Parlimen
 - II Jemaah Menteri
 - III Majlis Raja-Raja
 - IV Dewan Undangan Negeri
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 70)

30 Bagaimanakah tindakan untuk mengatasi perkara yang bercanggah dalam Senarai Bersama?

- A Menukar anggota Jemaah Menteri yang baharu
- B Mendapatkan nasihat daripada Yang di-Pertuan Agong
- C Mematuhi undang-undang yang diluluskan Parlimen
- D Melakukan pembatalan terhadap perkara yang ditolak

(Buku Teks m.s. 70)

31 Antara berikut, manakah perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama?

- I Perumahan
- II Hal ehwal luar negeri
- III Undang-Undang Islam
- IV Perlindungan haiwan liar

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 70)

32 Apakah peruntukan tambahan yang diberi kepada Senarai Negeri bagi Sarawak dan Sabah?

- A Kesihatan awam
- B Hari Perlepasan Negeri
- C Mahkamah Anak Negeri
- D Kewarganegaraan

(Buku Teks m.s. 70)

33 Undang-undang diri telah ditambahkan dalam Senarai Bersama bagi Sarawak dan Sabah. Apakah ciri-ciri undang-undang diri tersebut?

- A Pewarisan harta
- B Perkahwinan
- C Pendidikan
- D Pekerjaan

(Buku Teks m.s. 70)

34 Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah kuasa tambahan dalam Senarai Bersama. Apakah kuasa tambahan tersebut?

- A Pilihan raya bagi Dewan Negeri
- B Pengendalian hal ehwal imigresen
- C Kedudukan istimewa penduduk asal
- D Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi

(Buku Teks m.s. 70)

35 Akta Imigresen 1963 diperkenalkan memberi kuasa kepada Kerajaan Sarawak dan Sabah.

Apakah kuasa tersebut?

- A Mengekalkan kuasa kawalan
- B Menyediakan pusat perlindungan
- C Mengehadkan jumlah kemasukan
- D Memperkenalkan permit kemasukan

(Buku Teks m.s. 70)

36 Kerajaan Tempatan merupakan kenyah peringkat ketiga.

Apakah kawasan yang menjadi tanggungjawab kerajaan tersebut?

- A Negeri
- B Kampung
- C Daerah kecil
- D Perbandaran

(Buku Teks m.s. 70)

37 Apakah pihak yang mengawal Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?

- A Kerajaan Negeri
- B Kerajaan Persekutuan
- C Pejabat Tanah Daerah
- D Jabatan Perdana Menteri

(Buku Teks m.s. 70)

38 Fungsi Kerajaan Tempatan digariskan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Apakah tanggungjawab kerajaan tersebut?

- A Meningkatkan taraf hidup masyarakat bandar
- B Memacu pertumbuhan sektor perindustrian baharu
- C Mengurangkan pergantungan terhadap negara maju
- D Memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat

(Buku Teks m.s. 70)

39 Apakah persamaan sumbangan majlis berikut?

- Majlis Daerah
- Majlis Perbandaran
- Majlis Bandaraya

- A Memajukan sektor pelancongan
- B Menyediakan kemudahan awam
- C Mengukuhkan kemajuan ekonomi
- D Menyediakan perkhidmatan pendidikan

(Buku Teks m.s. 71)

40 Apakah kerajaan yang melaksanakan peranan berikut?

- Mengindahkan kawasan
- Menyenggara jalan raya
- Menyediakan kemudahan awam

- A Kerajaan Pusat
- B Kerajaan Negeri
- C Kerajaan Tempatan
- D Kerajaan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 71)

41 Gambar berikut berkaitan dengan penyediaan kemudahan awam di negara kita.




Apakah pihak yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan tersebut?

- A Kerajaan Negeri
- B Kerajaan Persekutuan
- C Kerajaan Tempatan
- D Syarikat swasta

(Buku Teks m.s. 71)

42 Rajah berikut menunjukkan peruntukan kuasa dalam Perlembagaan Malaysia.



Apakah kesan pengagihan kuasa tersebut?

- A Menjamin kekayaan negeri
- B Mengelakkan pergaduhan kaum
- C Mengukuhkan sistem pertahanan
- D Melancarkan pentadbiran negara

(Buku Teks m.s. 69 – 71)

4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

(Buku Teks m.s. 72 – 79)

43 Maklumat berikut berkaitan dengan bantuan Kerajaan Persekutuan terhadap Kerajaan Negeri dalam pembangunan sosioekonomi.

- Kewangan
- Kepakaran

Bagaimanakah bantuan tersebut dilaksanakan?

- A Membuka pusat kemahiran
- B Menubuhkan agensi kerajaan
- C Meningkatkan sistem pendidikan
- D Melahirkan golongan cendekiawan

(Buku Teks m.s. 72)

44 Apakah sumbangan Kerajaan Negeri membantu pembangunan sosioekonomi kepada Kerajaan Persekutuan?

- A Memberi modal
- B Membuka agensi
- C Menyediakan tanah
- D Memberi kepakaran

(Buku Teks m.s. 72)

45 Pada peringkat awal kemerdekaan, kerajaan telah melancarkan program *In-Situ*.

Apakah maksud pembangunan *In-Situ*?

- A Membangunkan fizikal desa
- B Memajukan kawasan bandar
- C Menyusun semula masyarakat
- D Meningkatkan ekonomi negara

(Buku Teks m.s. 72)

46 Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1956.

Mengapakah agensi tersebut ditubuhkan?

- A Menyusun semula masyarakat
- B Mempelbagaikan hasil pertanian
- C Meningkatkan kemajuan ekonomi
- D Membangunkan tanah baharu

(Buku Teks m.s. 72)

- 47 Pernyataan berikut berkaitan dengan agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Menyatukan, memulihkan dan membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar di seluruh negara.

Apakah agensi kerajaan tersebut?

- A MARA C FELDA
B RISDA D FELCRA

(Buku Teks m.s. 72)

- 48 Apakah Rancangan Pembangunan Wilayah pertama yang diusahakan oleh FELDA?

- A Felda Palong C Segitiga Jengka
B Felda Jerangau D Felda Lurah Bilut

(Buku Teks m.s. 72)

- 49 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah melaksanakan kerjasama pembangunan sosioekonomi selepas tahun 1970. Apakah kerjasama pembangunan sosioekonomi tersebut?

- I Pembangunan Tanah
II Pembangunan Wilayah
III Pembangunan Ekonomi
IV Pembangunan Bandar

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 72 – 73)

- 50 Mengapakah Kerajaan Persekutuan membuka kawasan yang lebih luas di beberapa buah negeri selepas tahun 1970?

- A Membuka pusat pelancongan
B Membasmi kemiskinan rakyat
C Membangunkan wilayah baharu
D Meningkatkan produktiviti negara

(Buku Teks m.s. 73)

- 51 Maklumat berikut berkaitan dengan agensi kerajaan yang menjayakan pembangunan sosioekonomi negara.

- PERDA
- KEJORA
- KESEDAR
- KETENGAH

Apakah pembangunan sosioekonomi tersebut?

- A Pembangunan tanah
B Pembangunan wilayah
C Pembangunan kawasan
D Pembangunan koridor wilayah

(Buku Teks m.s. 73)

- 52 Manakah merupakan agensi pembangunan wilayah di Sarawak?

- A DARA C SALCRA
B PERDA D KETENGAH

(Buku Teks m.s. 73)

- 53 Maklumat berikut merujuk kepada Pembangunan Koridor Wilayah.

Sebuah perancangan strategik jangka panjang yang memberi tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat.

Mengapakah pembangunan tersebut diperkenalkan?

- A Menggalakkan kemasukan pelabur asing
B Mewujudkan keseimbangan pembangunan
C Memperhebatkan pembukaan tanah terbiar
D Memulihkan kawasan berproduktiviti rendah

(Buku Teks m.s. 73)

- 54 Gambar berikut berkaitan dengan pelan projek Wilayah Pembangunan Iskandar (SJER) di Johor.



Apakah kesan projek pembangunan tersebut?

- A Kepelbagaian komoditi utama negara diperkenalkan
B Taraf hidup rakyat bumiputera dapat dipertingkatkan
C Penglibatan pihak swasta dalam sektor pembangunan
D Pembangunan negeri dan wilayah dapat diseimbangkan

(Buku Teks m.s. 73)

55 Apakah pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan hidupan liar dan taman negara?

- I Kerajaan Negeri
- II Kerajaan Persekutuan
- III Kerajaan Tempatan
- IV Pertubuhan NGO
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 74)

56 Bagaimanakah kerjasama diwujudkan antara kerajaan dalam pemuliharaan khazanah negara?

- A Memperluaskan pasaran
- B Meluluskan perundangan
- C Membangunkan koperasi
- D Menjalankan penyelidikan

(Buku Teks m.s. 74)

57 Apakah pihak yang menguruskan taman negara di Sabah?

- A Jabatan Hidupan Liar Sabah
- B Perbadanan Perhutanan Sabah
- C Jabatan Taman Negara Malaysia
- D Perbadanan Pemuliharaan Hidupan

(Buku Teks m.s. 74)

58 Jadual berikut berkaitan dengan perubahan pentadbiran Kerajaan Persekutuan terhadap pengurusan hidupan liar dan taman negara.

Nama Lama	Nama Baharu
Jabatan Mergastua Negeri	X

Apakah nama baharu tersebut?

- A NADMA
- B MAKSAK
- C PUSPANTTA
- D PERHILITAN


(Buku Teks m.s. 74)

59 Apakah taman negara yang diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pertama di negara kita?

- A Taman Negara Mulu, Sarawak
- B Taman Negara Kinabalu, Sabah
- C Taman Hidupan Liar Krau, Pahang
- D Taman Negeri Royal Belum, Perak

(Buku Teks m.s. 74)

60 Peta berikut menunjukkan lokasi pulau-pulau Taman Laut Malaysia.



Apakah kuasa yang bertanggungjawab melaksanakan pembangunan pulau-pulau tersebut?

- A Kerajaan Negeri
- B Kerajaan Wilayah
- C Kerajaan Tempatan
- D Kerajaan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 75)

61 Bagaimanakah kerajaan melaksanakan pemuliharaan khazanah laut di kepulauan negara kita?

- A Memajukan sektor perikanan
- B Membaiki sistem perhubungan
- C Mewartakan sebagai taman laut
- D Menyediakan panduan laluan kapal

(Buku Teks m.s. 75)

- 62 Majlis berikut dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut

Apakah matlamat penubuhan majlis tersebut?

- A Mengawal sumber perikanan negara
- B Menyelaraskan pentadbiran taman laut
- C Mengurus kepulauan di seluruh negara
- D Menjalankan pengawalseliaan di perairan

(Buku Teks m.s. 75)

- 63 Apakah peranan Jabatan Perikanan Malaysia dalam pengurusan taman laut?

- I Mengisytiharkan sebagai tapak warisan
- II Meluluskan Akta Pemuliharaan Taman Laut
- III Menjalankan aktiviti pembersihan dasar laut
- IV Melakukan program restorasi karang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 75)

- 64 Agensi Kerajaan Persekutuan berikut ditubuhkan pada tahun 2007.

Jabatan Taman Laut Malaysia

Apakah peranan jabatan tersebut?

- A Mengukuhkan pertahanan di perairan negara
- B Mengemukakan dasar pengurusan taman laut
- C Meluluskan perundangan berkaitan taman laut
- D Mengelakkan pencerobohan sempadan negara

(Buku Teks m.s. 75)

- 65 Maklumat berikut merupakan langkah kerajaan untuk memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri.

Peringkat	Langkah Kerajaan
Pada awal kemerdekaan	Menyediakan rumah kos rendah
Selepas tahun 1970	Menyelesaikan masalah kekurangan rumah
Pada tahun 2014	X

Apakah X?

- A Mempelbagaikan jenis perumahan
- B Membina perumahan di luar bandar
- C Mengatasi masalah harga perumahan
- D Menyediakan perumahan mampu milik

(Buku Teks m.s. 76 – 77)

- 66 Taman-Taman Sabah merupakan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1974. Mengapakah taman tersebut ditubuhkan?

- A Menjaga perairan negara
- B Melindungi kawasan marin
- C Mengeluarkan lesen skuba
- D Menyelenggara sistem saliran

(Buku Teks m.s. 76)

- 67 Kementerian berikut telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1964.

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Apakah sumbangan kementerian tersebut pada awal kemerdekaan?

- A Menyediakan perumahan kos rendah
- B Membuka kawasan perusahaan baharu
- C Memulihkan kawasan produktiviti rendah
- D Menyelaras program pembangunan bandar

(Buku Teks m.s. 76)

- 68 Kerajaan Negeri memberi kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina perumahan kos rendah.

Bagaimanakah kerjasama tersebut dilaksanakan?

- A Pembekalan bekalan buruh yang ramai
- B Penyediaan bahan binaan yang mencukupi
- C Penyelarasan harga rumah yang berpatutan
- D Penyediaan tanah dengan harga yang murah

(Buku Teks m.s. 76)

- 69 Mengapakah kerajaan berusaha membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah selepas tahun 1970?

- A Menjamin keselamatan
- B Memajukan sosioekonomi
- C Memudahkan pentadbiran
- D Menghapuskan kemiskinan

(Buku Teks m.s. 77)

- 70 Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dilaksanakan pada tahun 1997.

Apakah kebaikan perlaksanaan program tersebut?

- I Membangunkan kawasan luar bandar
- II Membuka kawasan baharu untuk perumahan
- III Menyelesaikan masalah kekurangan rumah
- IV Menghapuskan masalah kemiskinan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 77)

- 71 Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program untuk membantu rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Apakah program tersebut?
- Rumah Mesra Rakyat
 - Program Perumahan Rakyat
 - Perumahan Awam Kos Rendah
 - Perbadanan Perumahan I Malaysia

(Buku Teks m.s. 77)

- 72 Apakah agensi pembangunan negeri yang ditubuhkan untuk membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah?
- Jabatan Perumahan Negara
 - Syarikat Perbadanan Nasional Berhad
 - Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(Buku Teks m.s. 77)

- 73 Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri untuk kesejahteraan rakyat.

Kerajaan	Program Pembangunan
Persekutuan	- Rumah Mesra Rakyat - Perbadanan Perumahan I Malaysia (PRIMA)
Negeri	- Rumah Selangorku - Rumah Mampu Milik Johor

Apakah sumbangan program tersebut terhadap golongan pertengahan?

- Berkemampuan memiliki rumah
- Mengatasi masalah pengangguran
- Menyelesaikan masalah setinggan
- Berupaya meningkatkan pendapatan

(Buku Teks m.s. 77)

- 74 Apakah pihak yang terlibat dalam merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik?

- Majlis Gerakan Negara
- Majlis Perumahan Negara
- Jabatan Perangkaan Negara
- Jabatan Perancangan Bandar

(Buku Teks m.s. 77)

- 75 Apakah kementerian yang diselaraskan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN)?

- Kementerian Alam Sekitar
- Kementerian Kesihatan
- Kementerian Pertahanan
- Kementerian Dalam Negeri

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 77)

- 76 Apakah kementerian yang berperanan untuk menjamim ketenteraman awam di negara kita?

- Kementerian Dalam Negeri
- Kementerian Pertahanan Negara
- Kementerian Penerangan Negara
- Kementerian Perancangan Bandar

(Buku Teks m.s. 78)

- 77 Pengisytiharan berikut dilakukan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada tahun 1972.

Rajang Area Security Command (RASCOM) atau Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang.

Mengapakah pengisytiharan tersebut dilakukan?

- Pencerobohan pengganas luar
- Pertikaian sempadan kawasan
- Peningkatan ancaman komunis
- Pemberontakan penduduk tempatan

(Buku Teks m.s. 78)

- 78 Apakah bahagian yang diisytiharkan sebagai RASCOM?

- Bahagian Pertama
- Bahagian Kedua
- Bahagian Ketiga
- Bahagian Keempat

(Buku Teks m.s. 78)

- 79 Siapakah yang dilantik menjadi Pengarah Operasi Negeri dalam RASCOM?

- Perdana Menteri
- Ketua Menteri Sarawak
- Yang di-Pertuan Agong
- Menteri Pertahanan Negara

(Buku Teks m.s. 78)

- 80 Kerajaan berusaha mewujudkan penyelarasan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam dalam RASCOM. Apakah jawatan yang diperkenalkan untuk melaksanakan penyelarasan tersebut?
- Ketua Eksekutif Negeri
 - Pengarah Operasi Negeri
 - Ketua Perancang Operasi
 - Pengarah Perancang Gerakan

(Buku Teks m.s. 78)

- 81 Apakah program untuk mengatasi pencerobohan pengguna Kepulauan Sulu di Lahad Datu?
- Ops Daulat
 - Perang gerila
 - Ops Benteng
 - Serungan kilat

(Buku Teks m.s. 79)

- 82 Antara berikut, manakah jawatankuasa utama dalam RASCOM?
- Jawatankuasa Tadbir Negara
 - Jawatankuasa Keselamatan Negeri
 - Jawatankuasa Perancang Gerakan
 - Jawatankuasa Perang Saraf
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 78)

- 83 Maklumat berikut berkaitan dengan kawasan keselamatan di Sabah.

Tahun	12 Februari 2013
Kawasan Keselamatan	Penubuhan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) di Kampung Tanduo, Lahad Datu

Mengapakah kawasan keselamatan tersebut diperkenalkan?

- Pencerobohan pengganas
- Serangan tentera Indonesia
- Pendudukan tentera Jepun
- Ancaman serangan komunis

(Buku Teks m.s. 79)


- 84 Bagaimanakah ESSCOM meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah?
- Mewujudkan sekatan perdagangan dengan Filipina
 - Meminta pertolongan daripada anggota Komanwel
 - Menyekat laluan perairan kepada semua negara
 - Mengadakan kerjasama antara agensi kerajaan

(Buku Teks m.s. 79)

- 85 Zon Keselamatan Timur Sabah (ESSZONE) telah diisytiharkan pada 27 Mac 2013. Siapakah yang dilantik menjadi pengerusi jawatankuasa tersebut?
- Menteri Pertahanan
 - Ketua Menteri Sabah
 - Yang di-Pertuan Agong
 - Ketua Polis Negara

(Buku Teks m.s. 79)

- 86 Peta berikut menunjukkan kawasan keselamatan di Pantai Timur Sabah yang perlu diawasi oleh ESSCOM.



Kawasan tersebut dikenal sebagai

- ZOPFAN
- ATIPSOM
- MASCOM
- ESSZONE

(Buku Teks m.s. 79)

- 87 Siapakah pengerusi Jawatankuasa Pemantau ESSCOM?
- Majlis Raja-Raja
 - Ketua Menteri Sabah
 - Yang di-Pertua Negeri
 - Perdana Menteri

(Buku Teks m.s. 79)

88 Apakah agensi keselamatan yang terlibat dalam ESSCOM?

- I Angkatan Tentera Malaysia
- II Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
- III Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia
- IV Jabatan Imigresen Negara
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 79)

89 Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa berikut di Sarawak dan Sabah.

Negeri	Jawatankuasa
Sarawak	RASCOM
Sabah	ESSCOM

Apakah persamaan peranan jawatankuasa tersebut?

- A Memajukan ekonomi negara
- B Menjamin keselamatan negara
- C Mengukuhkan perpaduan kaum
- D Menjalinkan hubungan diplomatik

(Buku Teks m.s. 78 – 79)

90 Apakah kesimpulan terhadap kerajaan melalui penubuhan ESSCOM di Sabah?

- A Pemberian kuasa autonomi kepada kerajaan negeri
- B Pengukuhan kerjasama antara agensi kerajaan
- C Kesungguhan menjamin kesejahteraan rakyat
- D Kesepakatan dalam membangunkan ekonomi negara

(Buku Teks m.s. 79)

4.4 Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

(Buku Teks m.s. 80 – 81)

91 Apakah konsep yang merujuk kekukuhan sistem Persekutuan negara kita?

- A Keluhuran Perlembagaan
- B Kesopanan dan kesusilaan
- C Kedaulatan undang-undang
- D Kesetiaan pada raja dan negara

(Buku Teks m.s. 80)

92 Pernyataan berikut berkaitan dengan prinsip keluhuran Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa jika mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang tersebut.

Apakah kepentingan prinsip keluhuran Perlembagaan tersebut?

- A Mengelakkan perbalahan rakyat
- B Mengukuhkan kedaulatan negara
- C Meningkatkan kerjasama kerajaan
- D Mengukuhkan sistem Persekutuan

(Buku Teks m.s. 80)

93 Bagaimanakah cara untuk mengatasi ketidakselarasan antara undang-undang Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?

- A Merujuk Perlembagaan Persekutuan
- B Melakukan pindaan perlembagaan
- C Menerima pentafsiran mahkamah
- D Menggubal perlembagaan baharu

(Buku Teks m.s. 80)

94 Mengapakah sesuatu undang-undang itu boleh dibatalkan mengikut Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan?

- A Hanya dipersetujui oleh ahli Dewan Negara
- B Bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan
- C Tidak mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong
- D Tidak dipersetujui oleh majoriti ahli Dewan Rakyat

(Buku Teks m.s. 80)

95 Bagaimanakah penyelarasan pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dilaksanakan?

- A Persidangan Majlis Raja-Raja
- B Mesyuarat antara ahli Dewan Undang Negeri
- C Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri
- D Persidangan antara Menteri-Menteri

(Buku Teks m.s. 80)

- 96 Siapakah yang menjadi pengerusi dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri?
- A Menteri Besar
 - B Ketua Menteri
 - C Perdana Menteri
 - D Yang di-Pertuan Agong

(Buku Teks m.s. 80)

- 97 Mengapakah Mesyuarat Khas Menteri Besar dan Ketua Menteri dilaksanakan?
- A Menjamin keselarasan pentadbiran negeri
 - B Mengukuhkan keselamatan dalam negara
 - C Memutuskan pembangunan sosioekonomi
 - D Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar

(Buku Teks m.s. 80)

- 98 Majlis Negara ditubuhkan untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Apakah Majlis Negara tersebut?

- I Majlis Tanah Negara
- II Majlis Kewangan Negara
- III Majlis Keselamatan Negara
- IV Majlis Sukan dan Kebudayaan

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 80)

- 99 Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dibuat melalui majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan. Apakah majlis tersebut?

- I Majlis Gerakan Negara
- II Majlis Perundingan Negara
- III Majlis Perumahan Negara
- IV Majlis Air Negara

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 80)

- 100 Apakah kerjasama Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dalam Majlis Kewangan Negara?

- A Berkongsi khidmat nasihat
- B Memberi pinjaman kewangan
- C Membuka institusi kewangan
- D Berkongsi bantuan teknikal

(Buku Teks m.s. 80)